0546
R 8015 BAH
YUSOF-PM

KUALA TERENGGANU, 28 JAN. (BERNAMA)---KESEDIAAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENJALANI PEMBEDAHAN DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR, BARU-BARU INI MEMAPARKAN KESUNGGUHAN BELIAU DI DALAM MENGAMALI SLOGAN 'KEPIMPINAN MELALUI TELADAN', KATA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR MOHD YUSOF NOOR.

TEGASNYA, TINDAKAN PERDANA MENTERI ITU JUGA SEKALI GUS MENGUATKAN LAGI KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP KEUPAYAAN PARA DOKTOR TEMPATAN.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM PERHUBUNGAN NEGERI TERENGGANU, DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA KEPUTUSAN YANG DIAMBIL OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR ITU ADALAH SATU CONTOH YANG BAIK YANG WAJAR DITELADANI OLEH LAIN-LAIN PEMIMPIN DAN RAKYAT.

KATANYA, PERDANA MENTERI MEMPUNYAI SEGALA KEMUDAHAN UNTUK MENERIMA RAWATAN DAN MENJALANI PEMBEDAHAN DI HOSPITAL-HOSPITAL LUAR NEGERI.

MALAH, SEHARI SEBELUM PEMBEDAHAN ITU DILAKUKAN, PIHAK BERKUASA TELAH PUN MEMAKLUMKAN KEPADA PERDANA MENTERI BAHAWA SEGALA PERSIAPAN TELAH DIATUR UNTUK MENERBANGKAN BELIAU KE LUAR NEGERI UNTUK MENJALANI RAWATAN, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, KATA DATUK DR MOHD YUSOF, SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG MAHU SEGALA TINDAK-TANDUKNYA DIJADIKAN TELADAN, PERDANA MENTERI DENGAN RELA HATI DAN TANPA BANYAK SOAL TELAH MENANDATANGANI SURAT KEBENARAN AGAR PEMBEDAHAN KE ATASNYA DILAKUKAN OLEH PARA DOKTOR ANAK TEMPATAN DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR.--LAGI
1206MST 28 01 89

0554
R 8019 BAH
YUSOF - PM 2 KUALA TERENGGANU

SESUNGGUHNYA, UJAR BELIAU, TINDAKAN PERDANA MENTERI ITU IALAH SATU KEPUTUSAN YANG BERANI LAGI PENTING KERANA IA SEKALI GUS MENUNJUKKAN BAHAWA KEMUDAHAN PERUBATAN SERTA KEPAKARAN YANG ADA PADA ANAK TEMPATAN HASIL SISTEM PENDIDIKAN NEGARA TELAH MENCAPAI SATU TAHAP YANG SETANDING DENGAN YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA YANG LEBIH MAJU.

KATANYA, LANGKAH DATUK SERI DR MAHATHIR ITU JUGA WAJAR DIBERI KEPUJIAN KERANA SETAKAT INI BELUM ADA PEMIMPIN TANAH AIR YANG MEMERLUKAN PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI YANG SANGGUP MENJALANINYA DI NEGERI SENDIRI.

MENURUTNYA, PERSEDIAAN PIHAK BERKUASA UNTUK MENERBANGKAN PERDANA MENTERI KE LUAR NEGERI BAGI MENJALANI PEMBEDAHAN ITU DAN KERELAAN BELIAU DIBEDAH OLEH PARA DOKTOR TEMPATAN DICERITAKAN SENDIRI OLEH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH. -- BERNAMA
1230MST 28 01 89